



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	24/11/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Badak Sumatera pupus di Malaysia

Iman, spesies betina terakhir mati petang semalam

Oleh Suzianah Jiffar
suzianah@bh.com.my

Kota Kinabalu: Malaysia kehilangan badak sumbu Sumatera terakhir selepas Iman disahkan mati pada jam 5.35 petang semalam di Santuari Badak Borneo, Hutan Simpan Hidupan Liar Tabin, di Lahad Datu.

Mengumumkan kematian badak betina berusia 25 tahun itu,

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Christina Liew merangkap Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri berkata, kematian Iman adalah secara alami dan dikategorikan sebagai mati mengejut.

"Walaupun tahu ia akan berlaku, kami tidak menyangka begini cepat dan kami sangat sedih dengan berita ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, petang semalam.

Liew berkata, Iman diberi penjagaan dan perhatian yang terbaik sejak Mac 2014 sehingga ia sembuh.

Iman sebenarnya hampir mati apabila beberapa kali kehilangan banyak darah akibat pertumbuhan atau tumor pada uterusnya beberapa

tahun lalu.

"Pasukan di Tabin memberikan sokongan sepenuhnya dan berjaya memulihkan tahap kesihatan dan menghasilkan sel telur," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah, Augustine Trunga, berkata kematian Iman berlaku lebih awal daripada yang dijangkakan.

"Tetapi kami tahu Iman mula mengalami kesakitan akibat tumor yang semakin bertambah pada tumor di pundi kencingnya," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Iman yang berusia semakin tua dan menyebabkan proses pengambilan telur untuk pembiakan secara in-vitro (IVF) sukar dilakukan.



Iman disahkan mati di Santuari Badak Borneo, Hutan Simpan Hidupan Liar Tabin, di Lahad Datu, semalam. (Foto Ihsan Jabatan Hidupan Liar Sabah).